



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### USAHA BERSEPADU TANGANI ISU GANGGUAN SEKSUAL

**KUALA LUMPUR, 19 MEI 2026:** YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan: *Say No To Sexual Harassment* yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu gangguan seksual yang menjejaskan maruah dan keselamatan individu.

Dalam ucapannya, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) komited memperkukuh kerjasama strategik bagi menangani isu gangguan seksual melalui pendekatan bersepadu yang menekankan aspek pencegahan, pendidikan, advokasi dan penguatkuasaan undang-undang demi mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk semua lapisan masyarakat.

Menurutnya lagi, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah tegas untuk menangani isu gangguan seksual termasuk menggubal Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]. Pelaksanaan akta ini diperkukuh melalui garis panduan yang komprehensif, merangkumi aspek pencegahan, tatacara tindakan, serta perlindungan menyeluruh kepada mangsa bagi memastikan isu gangguan seksual dapat ditangani secara lebih sistematik, berkesan dan bersepadu.

Penguatkuasaan menyeluruh adalah merangkumi penubuhan Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) yang berperanan sebagai platform alternatif bagi menyelesaikan aduan kes gangguan seksual dengan lebih cepat, mudah dan kos berpatutan untuk mangsa menuntut hak mereka.

Berdasarkan laporan TAGS, sehingga 26 April 2026, sebanyak 92 aduan telah difailkan, dengan 69 daripadanya berjaya diselesaikan. Pencapaian ini membuktikan bahawa tribunal ini berkesan dalam mempercepat proses menyampaikan keadilan kepada mangsa.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan kes gangguan seksual yang membimbangkan, iaitu daripada 477 kes pada tahun 2022 kepada 522 kes pada tahun 2023, sebelum meningkat ketara kepada 788 kes pada tahun 2024 dan seterusnya mencecah 1,038 kes pada tahun 2025. Peningkatan berterusan ini menggambarkan isu gangguan seksual semakin serius dan memerlukan tindakan bersepadu daripada semua pihak.

Dalam masa yang sama, Jabatan Pembangunan Wanita turut mempergiat pelaksanaan program advokasi Women, Peace and Security (WPS) bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penglibatan wanita dalam aspek keamanan, keselamatan dan pembangunan negara. Program pada hari ini juga selaras dengan National Action Plan: Women, Peace and Security 2025–2030 (NAP WPS) yang menegaskan komitmen negara dalam memperkukuh peranan wanita sebagai pemangkin keamanan dan pembangunan mampan.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Pengarah JPW, YBrs. Puan Hanani binti Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah LPPKN, YBhg. Dato' Abdul Shukur bin Abdullah, Presiden Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS), YBrs. Puan Syafeera binti Mohd Said dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan dan Agensi Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
19 MEI 2026**